



### **KDN haramkan buku 'When I Was A Kid 3'**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - September 27, 2023 @ 5:26pm  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharamkan penjualan buku novel grafik bertajuk 'When I Was A Kid 3' selepas terdapat bantahan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Indonesia.

Kementerian memaklumkan, buku berkenaan mengandungi bahan yang 'berkemungkinan memberi prejudis kepada moral' sekali gus mengarahkan penjualannya dihentikan mengikut Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang berkuat kuasa 15 September lalu.

Buku ditulis pada 2014 oleh penulis Malaysia yang lahir di Singapura dikenali sebagai Cheeming Boey, 45, yang kini menetap di Amerika Syarikat itu menceritakan mengenai zaman kanak-kanaknya.

Bagaimanapun, pada Jun lalu, beberapa rakyat Indonesia yang diketuai NGO Corong Rakyat mengadakan bantahan di luar Kedutaan Malaysia di Jakarta terhadap penerbitan buku itu kerana mendakwa satu daripada petikan dalam buku terbabit menceritakan mengenai seorang pembantu rumah warga Indonesia yang bekerja di Malaysia dan dikritik secara tidak adil.

Corong Rakyat menuntut buku itu dihentikan penjualannya dan menggesa pihak berkuasa menyiasat motif di sebalik cerita dan ilustrasi yang disertakan.